

PORTAL PENGETAHUAN ZAKAT
KAJIAN KES: UNIT PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

RASHIDAH BINTI MOKHTAR

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Teknologi Maklumat – Pengurusan)

Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2006

Khas untuk Ayah dan Ibu tersayang,
KLong & Abg Wan, Angah, Uda & KAzie, Abang, Ibem, Mizah, Adik & istimewa Lan,
Buat pensyarah – pensyarah jasamu dikenang,
Ingatan tulus buat sahabat seperjuangan; KWang, Ct, Abby, Zam, Yan, Zana, KHam,
Rahimi, Mat, KVee yang turut berkongsi suka duka sepanjang pengajian.
Terima kasih atas segalanya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ini dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas keizinannya memberi kudrat dan semangat kepada penulis untuk menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya. Penghargaan ini ditujukan kepada pihak MAINJ iaitu Ustaz Hj Yahya, Ustaz Azlan, En Jasydy, En. Khairul Ariffin, En. Kamaluddin dan semua staf MAINJ di atas kerjasama dan sokongan yang tidak terhingga.

Setinggi ucapan terima kasih ini juga diucapkan kepada penyelia Dr. Othman bin Ibrahim di atas kesudian membantu penulis dengan memberi panduan dan nasihat dalam menyiapkan projek ini. Tidak dilupakan pensyarah – pensyarah terutama Dr Azizah di atas nasihat dan teguran yang membina. Buat penilai laporan, Prof Dr Rose, dan Dr Norafida terima kasih di atas penilaian dan teguran yang membina.

Tidak dilupakan juga, penghargaan ini khas buat ibu bapa penulis di atas dorongan dan doa serta buat famili penulis yang sentiasa berada di sisi sepanjang projek ini dilaksanakan. Buat teman-teman seperjuangan, ucapan terima kasih kerana memberi pandangan dan kritikan membina terhadap projek ini. Semoga kita akan sama-sama berjaya di dalam perjuangan ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada insan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan projek ini. Semoga doa dan dorongan kalian akan memberi semangat kepada penulis untuk menghasilkan satu projek yang bermutu dan terbaik.

Terima kasih semua.

ABSTRAK

Pengurusan pengetahuan telah berkembang sebagai alat dan aset bernilai yang digunakan untuk bersaing antara organisasi. Terdapat pelbagai alat atau sistem yang boleh digunakan untuk menguruskan pengetahuan. Namun, portal berasaskan pengetahuan (K-Portal) dilihat sebagai alat yang berpotensi untuk menyediakan organisasi dengan perkongsian pengetahuan yang banyak dan kompleks, serta menyokong kitaran pengurusan pengetahuan iaitu; mencipta, menyimpan, mengagih, dan menggunakan pengetahuan. Aspek penting yang ditekankan di dalam pembangunan portal adalah pengetahuan yang terdapat di dalam zakat dan ciri – ciri portal berasaskan pengetahuan yang efektif. Pengguna sasaran K-Portal ini adalah pengguna luaran (umat Islam yang berminat untuk mengetahui tentang zakat) dan pengguna dalaman (pihak pengurusan MAINJ). Model SECI dan kerangka kerja portal Aneja serta kitaran pengetahuan oleh Mertins iaitu cipta, simpan, agih dan guna digabungkan untuk menentukan ciri – ciri portal yang efektif yang dimasukkan ke dalam K-Portal Zakat. Ciri – ciri portal yang telah ditentukan adalah pengurusan kandungan / taksonomi, *personalization*, kerjasama (*collaboration*), penerbitan, aplikasi portal, carian dan aliran kerja. Ia dipilih kerana ciri – ciri ini sesuai untuk diimplemenkan dalam konteks zakat. Pembangunan K-Portal Zakat ini menggunakan metodologi kitaran pembangunan sistem berasaskan pengetahuan (KBSDLC). Teknik berorientasikan objek digunakan untuk membuat analisa pengguna dan proses yang terlibat. K-Portal Zakat ini mempunyai matlamat iaitu untuk meningkatkan kesedaran tentang kewajipan menunaikan zakat serta merealisasikan misi MAINJ iaitu meningkatkan ekonomi dan sosial umat Islam.

ABSTRACT

Knowledge management is an increasingly important tools and valuable assets of competitive advantage for organizations. Among these KMS, knowledge portal present the potential to provide the organization with a rich and complex shared knowledge and also support knowledge management life cycle which are; create, storage, disseminate and use. The important aspects in knowledge portal (K-Portal) development are knowledge in zakat and effective K-Portal features. Target users for K-Portal Zakat are internal user (MAINJ Management) and external user (user who interested in knowing zakat). SECI Model and Aneja portal framework with knowledge life cycle by Mertins which are; create, storage, disseminate and use, integrated to identify K-Portal features that effective to give knowledge about zakat to people. The features that have been identify are taxonomy, personalization, collaboration, publishing, portal application, search and workflow. These features are chosen because there are suitable in zakat context. Knowledge based system development life cycle (KBSDLC) methodology is used in K-Portal development. While object oriented used in stakeholders analysis and identify the business processes. K-Portal Zakat has it own aims to create awareness among Muslim in doing their part in zakat and to realise the MAINJ mission, to increase Muslim social and economy.